

| | |
|-------------------------------------|----------------|
| <input checked="" type="checkbox"/> | Berita Harian |
| <input type="checkbox"/> | Berita Minggu |
| Tarikh: | 9/11/2010 |
| Hari: | SELASA M/S: 24 |
| Ruangan: | PENDIDIKAN |



JOANNITA (kanan) dan Penolong Naib Presiden BSN, Arida Ariffin menunjukkan logo pertandingan Social Venture Challenge, baru-baru ini.

Strategi keusahawanan

Lapan IPTA bertanding rebut juara SVC anjuran BSN

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bharuan.com.my

LAPAN kumpulan dari Institusi pengajian tinggi awam (IPTA) disenarai pendek ke peringkat seterusnya program Inter-Varsity Social Venture Challenge (SVC), anjuran Bank Simpanan Nasional (BSN).

Pasukan terbahit ialah, dua dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan masing-masing satu dari Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak; Universiti Malaysia Terengganu (UMT); Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Universiti Utara Malaysia (UUM); Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP).

UiTM mengetengahkan projek laman web www.petanikita.com

untuk petani memaparkan produk serta perkhidmatan ditawarkan dan projek *Let's Play Kiddo* yang menawarkan kemudahan fizikal dan sukan sebagai pusat terapi dan pemulihan kepada kanak-kanak istimewa.

Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak, mengemukakan pelan perniagaan bagi menghasilkan kerusi kanak-kanak berusia antara tiga hingga enam tahun menggunakan bahan buangan.

UMT dengan projek memperkenalkan teknologi baru meningkatkan pengeluaran nira dan USIM memilih projek tanaman kenaf.

Pasukan UUM mengetengahkan pelan menghasilkan pemutih gigi menggunakan sekam padi, manakala UMK menubuhkan kedai dalam

talian untuk membantu rakyat Kelantan menjual produk kraf-tangan dan UTP dengan baja organik menggunakan cacing.

Naib Presiden Kanan dan Ketua Jabatan Korporat BSN, Joannita Zaleha Yusof, berkata pihaknya menerima 36 penyertaan pelajar IPTA, manakala satu daripada institusi pengajian tinggi swasta.

"Bagaimanapun, lapan disenarai pendek untuk menghadiri bengkel pada 8 dan 9 Disember depan dan enam daripadanya akan dipilih memenangi hadiah ditawarkan.

"Pada bengkel itu, pasukan akan membuat pembentangan projek masing-masing. Tiga pasukan terbaik akan mengadakan satu lagi pembentangan pada pusingan akhir 16 Disember depan di hadapan

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan panel hakim," katanya.

Joannita berharap pelajar dapat mengembangkan strategi keusahawanan, kemahiran serta perancangan mereka dengan menyertai program berkenaan.

Pertandingan yang mendapat kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan The New Straits Times Press (M) Berhad serta Majlis Keusahawanan Universiti-universiti Malaysia.

Juara SVC bakal membawa pulang Sijil Simpanan Premium (SSP) RM25,000 dan naib juara RM15,000 berserta komputer riba setiap seorang, tempat ketiga menerima SSP RM10,000 dan baucar buku. Pemenang sagu hati akan menerima SSP RM5,000.